

NEWS CLIPPING – PRESS

PR VALUE: RM 14,000.00

Client	DSA Exhibition and Conference	Date	Thurs, 5 March 2020
Website	Airtimes.my	No. of Pages	2
Section	Pertahanan dan Keselamatan		
Headline	Pameran DSA 2020 dan NATSEC Asia ditunda ke Ogos akibat COVID-19		
URL	https://www.airtimes.my/2020/03/05/pameran-dsa-2020-dan-natsec-asia-2020-terpaksa-ditunda-ke-ogos-akibat-covid-19//twitter.com/bernamadotcom/status/1235434213219766272		



SEMASA PERTAHANAN DAN KESELAMATAN POLITIK SEJARAH DISKUSI TEKNOLOGI PERTAHANAN PR NEWSWIRE VIDEO

Pameran DSA 2020 dan NATSEC Asia 2020 terpaksa ditunda ke Ogos akibat COVID-19



KUALA LUMPUR, 5 Mac – Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2020 dan Pameran Antarabangsa Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2020 ditunda ke bulan Ogos berikutan penularan wabak Koronavirus (COVID-19).

Tarikh baharu pameran adalah pada 24 hingga 27 Ogos 2020. Sebelum ini, kedua-dua pameran dijadualkan berlangsung pada 20 hingga 23 April 2020.

“Keputusan sukar terpaksa diambil setelah perbincangan dan pertimbangan teliti dibuat bersama Kementerian Pertahanan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, dan pihak berkepentingan,

“Ini berikutan kebimbangan wabak COVID-19 yang mengakibatkan gangguan perjalanan antarabangsa dan situasi lain,” jelas pihak penganjur dalam satu kenyataan.



Tarikh baharu Pameran DSA 2020 dan NATSEC 2020 adalah pada 24 hingga 27 Ogos 2020.

Sementara itu, Pengerusi syarikat penganjur DSA Exhibition & Conference Sdn Bhd, Tan Sri Asmat Kamaludin menyatakan bahawa keputusan penundaan acara ini disokong sebulat suara, walaupun hanya tinggal dua bulan dari tarikh asal pameran ini sepatutnya berlangsung.

“Keputusan menangguhkan acara ini adalah keputusan yang terbaik dan kami ingin memastikan suasana pameran yang kondusif untuk para peserta, pihak pempamer serta pelawat semasa acara berlangsung,

“Kami menzahirkan rasa simpati terhadap mereka yang terkesan dan kami berharap walaupun dengan penangguhan ini, DSA 2020 dan NATSEC Asia 2020 akan terus menjadi platform penting untuk menggalakkan pertukaran dan perkongsian teknologi antarabangsa dan pada masa yang sama merencanakan hubungan kerjasama bagi memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara,” tambah Tan Sri Asmat Kamaludin.

Pameran DSA 2020 dan NATSEC Asia 2020 merupakan pameran pertahanan dwitahunan yang diadakan di Malaysia International Trade and Exhibition Centre.



UNTUK SIARAN SEGERA

DSA 2020 & NATSEC ASIA 2020 DITUNDA KE 24 HINGGA 27 OGOS 2020

Kuala Lumpur, 5 Mac 2020 – Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2020 yang dijadualkan berlangsung di Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) di Kuala Lumpur pada 20 hingga 23 April 2020 ini, ditunda ke tarikh **24 hingga 27 Ogos 2020**.

Keputusan sukar ini terpaksa diambil setelah perbincangan dan pertimbangan yang teliti dibuat bersama Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, dan pihak berkepentingan berikutan kebimbangan COVID-19 yang mengakibatkan gangguan perjalanan antarabangsa dan situasi lain.

Sementara itu, Pengerusi DSA Exhibition & Conference Sdn Bhd, Tan Sri Asmat Kamaludin yang merupakan penganjur utama kedua-dua pameran ini menyatakan bahawa keputusan penundaan acara ini disokong sebulat suara, walaupun hanya tinggal dua bulan dari tarikh asal pameran ini sepatutnya berlangsung.

“Dengan jangkakan 1,500 syarikat mengambil bahagian daripada 60 buah negara, melibatkan 350 delegasi kenamaan, 50,000 pelawat daripada seluruh pelusuk dunia, keputusan menangguhkan acara ini adalah keputusan yang terbaik. Kami ingin memastikan suasana pameran yang kondusif untuk para peserta, pihak pempamer dan pelawat semasa acara berlangsung.